



Impak positif Program NBOS MyBN

*Meningkatkan kesedaran
komuniti setempat*



● 50,000 penduduk
terlibat

● 98 kawasan
Parlimen

● Kerjasama jaga
kebersihan persekitaran

muka 2&3



KPKT, KKM memperkasa EMRS

muka 4

*Tumpu tiga aspek
di perumahan
baharu* *muka 5*



*KPKT bantu
mangsa rumah
dirobuhkan*

muka 6



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesenjaghaan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesenjaghaan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai
- Bahagian Kesenjaghaan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat

Inisiatif menggalakkan penduduk jaga kebersihan

Program NBOS MyBN Gotong Royong 2017 dilancar



Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bersama Tan Sri Haji Noh bin Omar (tiga dari kiri) membersihkan longkang pada majlis pelancaran Program NBOS My BN Gotong Royong 2017 Peringkat Kebangsaan di Bandar Saujana Utama, Sungai Buloh pada 14 Oktober lalu. Turut kelihatan, Dato' Sri Dr. Irmohizam bin Ibrahim (dua dari kiri) dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek (empat dari kanan).



PERDANA MENTERI, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak melancarkan Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) My Beautiful Neighbourhood (MyBN) Gotong Royong 2017 Peringkat Kebangsaan di Bandar Saujana Utama, Sungai Buloh, Selangor pada 14 Oktober lalu.

Majlis pelancaran itu turut dihadiri Menteri Kesenjaghaan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar; Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dato' Sri Dr. Irmohizam bin Ibrahim serta Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Program tersebut turut dilancarkan secara serentak di 98 kawasan Parlimen seluruh negara pada hari yang sama oleh Menteri Besar, Ketua Menteri serta Pengerusi Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (bagi Kelantan dan Pulau Pinang).

Mohd. Najib dalam ucapannya berkata, program NBOS MyBN bertujuan mempromosikan sikap bertanggungjawab dalam kalangan penduduk setempat untuk menjaga kebersihan kawasan mereka dengan cara bergotong-royong.

Beliau turut menyatakan kesediaan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan bantuan kepada kerajaan negeri demi memastikan kepentingan rakyat dipelihara termasuk dengan mengadakan kempen gotong-royong menerusi program NBOS.

"MyBN membawa konsep kepemimpinan yang membina. Kita tidak mahu

Majlis pelancaran Program NBOS MyBN Gotong Royong 2017 di Sungai Buloh (Selangor), Tambun (Perak), Sandakan (Sabah) dan Sarikei (Sarawak) disiarkan secara langsung menerusi rancangan Selamat Pagi Malaysia oleh RTM.



Menyemarakkan kesedaran rakyat tangani denggi

JUMLAH kes demam denggi yang tinggi terutamanya di Selangor menjadi salah satu sebab mengapa Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) My Beautiful Neighbourhood (MyBN) Gotong Royong 2017 dilancarkan oleh kerajaan.

Program itu juga bertujuan menyemarakkan kembali semangat bergotong-royong dan keprihatinan rakyat terhadap kebersihan kawasan perumahan di bandar.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, usaha menangani pelbagai isu masyarakat termasuklah penularan nyamuk aedes tidak boleh diatasi secara bersendirian.

Menurut beliau, segala langkah dan tindakan yang diambil memerlukan kerjasama daripada semua pihak khususnya masyarakat setempat.

“Kita mahu menjadi sebuah negara yang maju tetapi apa maknanya jika tiada nilai kemasyarakatan, sedangkan menjaga kesejahteraan kawasan perumahan, menangani masalah-masalah sosial seperti dadah dan jenayah mesti diatasi bersama dan ini hanya boleh dicapai melalui kerjasama dari akar umbi hingga ke peringkat kebangsaan.

“Insya-Allah, dengan pelaksanaan MyBN ini, diharapkan rakyat dapat mewujudkan kembali budaya gotong-royong secara tidak langsung mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap kebersihan kawasan kejiranan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program NBOS MyBN Gotong Royong 2017 Peringkat Kebangsaan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di Bandar Saujana Utama, Sungai Buloh pada 14 Oktober lalu.



Tan Sri Haji Noh bin Omar dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek mengiringi Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak memeriksa perangkap nyamuk yang dipasang bagi mengekang penularan denggi.



Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut membuka pasar tani di lokasi Program NBOS MyBN Gotong Royong 2017 Peringkat Kebangsaan.



Orang ramai dan anggota bomba bekerjasama membersihkan kawasan persekitaran.

robuhkan rumah imam atau bilal, kita mahu robuhkan rumah pembiakan nyamuk aedes,” katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri menyuarakan kebimbangannya berhubung statistik 40,000 kes denggi yang dicatatkan di Selangor setakat ini serta meminta kerajaan negeri mengambil tindakan segera bagi menangani perkara itu.

Program gotong-royong itu dianjurkan oleh KPKT dengan kerjasama Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri serta pelbagai kementerian, jabatan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan.

Antara manfaat program berkenaan kepada komuniti setempat adalah mengubah persekitaran kejiranan yang tidak terurus kepada persekitaran yang indah serta mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, bersih dan indah secara mampan.

Program NBOS MyBN yang memberi impak positif kepada lebih 50,000 penduduk di sekitar 98 kawasan Parlimen turut bertujuan mewujudkan perasaan cintakan persekitaran kejiranan dalam kalangan penduduk setempat.



Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Tan Sri Haji Noh bin Omar dikerumuni orang ramai yang tidak melepaskan peluang bergambar bersama kedua-dua pemimpin berjiwa rakyat itu.

KPKT, KKM memperkasa EMRS

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memeterai perjanjian dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Putrajaya baru-baru ini sebagai kerjasama strategik bagi memperkasakan perkhidmatan prahospital dan ambulans dengan Pasukan Perkhidmatan Penyelamatan Perawatan Kecemasan (EMRS).

Kerjasama EMRS dalam menyediakan perkhidmatan rawatan kecemasan awal adalah sebagai tanda sokongan kepada tugas dan fungsi KKM bagi memastikan mangsa yang terlibat dalam sebarang kemalangan mendapat perkhidmatan rawatan dengan lebih awal selain mendapatkan kemahiran seperti latihan dalam merawat mangsa di dalam kecemasan dan trauma daripada KKM.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani oleh Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek bersama Ketua Setiausaha KKM, Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min sambil disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa.

Selain kadar respons yang lebih pantas, kerjasama tersebut memudahkan KKM untuk mendapatkan perkhidmatan ambulans milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi perkhidmatan perawatan kecemasan serta pemindahan mangsa.

Pada masa sama, petugas KKM boleh mendapatkan perkhidmatan ambulans EMRS milik JBPM untuk bergerak dari hospital atau klinik ke tempat kejadian bagi memberi perkhidmatan perawatan kecemasan dalam kadar yang segera.

Pegawai Perubatan KKM juga boleh bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat serta bergerak bersama EMRS ke lokasi kejadian bagi memberi perkhidmatan perawatan kecemasan dan seterusnya memindahkan mangsa ke fasiliti KKM.



Seorang anggota JBPM memberi taklimat ringkas kepada Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Datuk Haji Mohammad bin Mentek dan Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min tentang peralatan yang digunakan pasukan EMRS.

Langkah itu sekali gus membolehkan pasukan EMRS ditugaskan di Jabatan Kecemasan dan Trauma dan digerakkan ke lokasi kejadian bagi memberikan perkhidmatan perawatan kecemasan.

Kini, pasukan EMRS boleh terus bertindak walaupun panggilan kecemasan tersebut diterima terus dari orang awam serta mendapatkan perkhidmatan Online Medical Direction untuk mendapatkan khidmat nasihat dan pandangan Pegawai Perubatan dari Jabatan Kecemasan dan Trauma malah melaksanakan program penempatan latihan dalam kerja di Jabatan Kecemasan dan Trauma di

KKM bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang rawatan kecemasan dan trauma.

Setakat ini, terdapat 21 Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan (PKPK) di seluruh negara yang meliputi Perkhidmatan Respons Ambulan Kecemasan, Perkhidmatan Ambulan Interfasiliti, Perkhidmatan Pasukan Perlindungan Perubatan dan Pengurusan Bencana (termasuk insiden berskala besar).

Kolaborasi antara Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan JBPM turut diadakan termasuk di Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lum-

pur, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga kini, EMRS menyumbang sebanyak 3.19 peratus dari segi kadar perkhidmatan kepada KKM iaitu 7,421 jumlah mangsa dikendalikan JBPM dalam 232,500 jumlah mangsa kendalian KKM bagi tahun 2016.

Jumlah itu merupakan peningkatan daripada statistik 2015 yang mencatatkan sebanyak 2.96 peratus iaitu 6,015 jumlah mangsa kendalian JBPM dalam 203,069 jumlah mangsa yang dikendalikan KKM.

1,830 unit PPR dibangunkan di Johor

SEBANYAK 1,830 buah unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dilancarkan di Johor secara rasmi baru-baru ini bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang tinggi dalam kalangan rakyat di negeri itu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, rumah-rumah PPR itu dipusatkan di empat kawasan berbeza iaitu PPR Permas Jaya, Masai, Ulu Tiram dan Tenggara yang dijual dengan harga yang lebih berpatutan berbanding harga pasaran.

"Jumlah keseluruhan empat buah PPR yang dibina dengan 1,830 unit rumah ini memerlukan kos sehingga RM360 juta.

"Namun, setiap unit yang berkeluasan 750 kaki persegi ini akan dijual dengan harga RM35,000 walaupun kos sebenar ialah RM180,000, manakala baki kos ditanggung oleh kerajaan. Projek ini dijangka siap dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Pada 7 Oktober lalu, Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak melancarkan empat PPR iaitu PPR Permas Jaya di Plentong, PPR Masai, PPR Ulu Tiram di Johor Bahru dan PPR Bandar



Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bersama Tan Sri Noh bin Haji Omar dan Menteri Besar Johor, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin ketika menghadiri Ekspo Johor Berkemajuan 2017 di Dataran Mahkota, Kota Iskandar, Johor baru-baru ini.

Tenggara di Kota Tinggi bersempena Ekspo Johor Berkemajuan 2017.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan memulakan kerja-kerja pembinaan keempat-empat projek PPR ini pada penghujung 2017.

Seperti di kawasan perumahan PPR lain, ia juga bakal dilengkapi dengan kemudahan seperti kedai, gerai, surau, tadika, taska, balai komuniti serta taman permainan kanak-kanak.

Sehingga 30 September 2017, dengan kos sebanyak RM575 juta, kerajaan telah berjaya menyiapkan 8,278 buah unit rumah PPR di seluruh negeri Johor yang melibatkan lapan projek PPR iaitu PPR Plentong, PPR Tebrau, PPR Sri Tu-
alag, PPR Pasir Pelangi, PPR Tampoi, PPR Batu Anam Segamat, PPR Yong Peng Fasa II dan PPR Sungai Melana Fasa I.

Pada masa yang sama, terdapat lima lagi projek PPR sedang dalam pembinaan bagi 3,217 unit rumah iaitu PPR Sungai Melana Fasa II, PPR Taman Perling, PPR Taman Pelangi Indah, PPR Taman Uda Utama dan PPR Kechil Pengerang, Kota Tinggi yang menelan belanja sebanyak RM500 juta dan dijangka siap selewat-lewatnya pada 2019.

Ini menjadikan Johor sebagai negeri ketiga tertinggi selepas Kuala Lumpur dan Sabah yang paling banyak mendapat manfaat daripada pelaksanaan projek PPR sejak ia dilancarkan.

Tumpu tiga aspek di perumahan baharu

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merancang untuk melaksanakan pendekatan baharu melibatkan tiga aspek utama di setiap kawasan perumahan yang bakal dibina pada masa akan datang.

Menterinya, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, tiga aspek itu melibatkan pembukaan pusat jagaan kanak-kanak bertauliah, kemudahan sukan untuk golongan belia dan pusat aktiviti untuk pesara.

Menurut beliau, kesemua aspek tersebut perlu diberi penekanan bagi memperkasakan aspek dalam memberikan kesejahteraan bandar di setiap kawasan perumahan yang akan dibina.

"Contohnya, pembukaan pusat jagaan bertauliah, kebanyakan ibu bapa bekerja memerlukan sebuah taska yang dapat menjaga anak mereka berhampiran kediaman ketika waktu bekerja, sementara bagi pusat sukan futsal pula untuk golongan belia bagi menjalankan aktiviti sukan.

"Bagi pusat aktiviti untuk pesara pula, kita mahu golongan ini dapat bergaul dan berinteraksi sesama masyarakat selain dapat berkumpul di surau," katanya selepas mengadakan lawatan di Rumah Pangsa Impian di Bandar Saujana Putra sempena Program Turun Padang ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sijangkang, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Azmi Osman dan Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat, Dato' Sulaiman bin Mohd. Karli.

Noh turut meluluskan peruntukan RM1 juta untuk pembinaan gelanggang futsal, proses baik pulih bumbung yang bocor dan naik taraf surau di kawasan perumahan tersebut.

Beliau menambah, selain tiga aspek baharu itu, KPKT juga akan memberi penekanan terhadap faktor penjagaan keselamatan di kawasan perumahan.

"Kita juga akan menumpukan aspek keselamatan seperti langkah pencegahan kebakaran supaya penduduk setempat sentiasa peka dan boleh bertindak awal apabila berlaku sesuatu kejadian tanpa menunggu kehadiran pihak bomba terlebih dahulu," ujarinya.

Sementara itu, Pengerusi Badan Pengerusan Bersama Rumah Pangsa Impian, Rosdi Omar berkata, peruntukan yang diberikan



Tan Sri Haji Noh bin Omar kelihatan gembira apabila dapat bertemu semula dengan bekas muridnya yang dikenali sebagai Ronnie ketika mengadakan Program Turun Padang di sekitar kawasan DUN Sijangkang, Selangor baru-baru ini.

Tan Sri Noh bin Haji Omar melihat keadaan di Rumah Pangsa Impian.



itu sememangnya memberi manfaat kepada penduduk setempat.

"Bagi mewakili penduduk kita memerlukan surau yang lebih selesa dan lebih besar bagi menampung ramai jemaah.

"Malah, cadangan pembinaan gelanggang futsal untuk golongan belia juga perlu kerana selain beriadah, dapat mengelakkan mereka terlibat aktiviti tidak sihat," katanya.



Kerosakan di gelanggang futsal akan dibaik pulih menerusi peruntukan yang bakal disalurkan oleh KPKT.



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyampaikan sumbangan Deepavali 2017 di PPR Lembah Subang 1 di Subang, Selangor baru-baru ini.

KPKT tetap ambil alih pengurusan PPR Lembah Subang 1

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tetap meneruskan rancangan mengambil alih pengurusan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 di Subang, Selangor walaupun kerja-kerja membaiki pulih infrastruktur yang rosak di kawasan perumahan kos rendah itu memerlukan peruntukan yang tinggi.

Menterinya, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, setakat ini, peruntukan sebanyak RM31.5 juta telah disalurkan oleh KPKT walaupun kutipan sewa masih dilakukan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Menurut beliau, pelbagai kerosakan berlaku di PPR Lembah Subang 1 berikutan kegagalan kerajaan negeri Selangor menguruskan 3,004 unit kediaman di

kawasan berkenaan dengan baik.

Malah, katanya, penduduk juga bimbang dengan keselamatan mereka ekoran kegiatan vandalisme dan jenayah yang berlaku.

"Lebih memburukkan keadaan, terdapat 1,789 unit kediaman mempunyai tunggakan bayaran elektrik sebanyak RM1.48 juta dan jumlah itu terpaksa ditanggung oleh KPKT kerana bil adalah di bawah nama Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara," katanya selepas menyampaikan sumbangan Deepavali kepada 500 penduduk berketurunan India di PPR Lembah Subang 1 baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, K.N. Jaya-seelan; Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah binti Bohan; Ketua UMNO Bahagian Kelana Jaya, Datuk Yusoff HM Haniff dan Naib Ketua UMNO Bahagian Petaling Jaya Selatan, Datuk Abdul Murtali bin Abdul Rahim.

Berhubung peruntukan yang disalurkan itu, Noh memberitahu, sebanyak RM3.1 juta telah dibelanjakan untuk membaiki 254 unit rumah yang kosong selain RM16 juta bagi membina 23 buah lif yang dilengkapi dengan sistem kamera litar tertutup (CCTV) serta kad akses di lapar blok PPR Lembah Subang 1 tahun lalu.

"Kita telah berbincang dengan Kabinet selain mengadakan mesyuarat dengan Jabatan Peguam Negara dan pertemuan dengan Jabatan Audit Negara mengenai pengambilalihan ini," katanya.

APA KATA PENDUDUK?

"SAYA menyokong usaha KPKT mengambil alih pengurusan di sini kerana saya pasti Kerajaan Persekutuan akan melakukan yang terbaik untuk kami."



S. TELVARANI, 42
Penduduk

"NASIB kami sebagai penduduk di PPR ini pasti akan berubah lebih baik selepas Kementerian yang menguruskan kemudahan di sini."



P. UMADAVI, 49
Penduduk

"SAYA berharap KPKT dapat segera mengambil alih kawasan ini kerana sebagai penduduk yang telah lama menetap di PPR ini telah banyak berdepan dengan pelbagai masalah antaranya lif rosak dan pengendalian sampah yang teruk."



M. TEENA, 37
Penduduk

KPKT bantu mangsa rumah dirobuhkan

NASIB dua pemilik rumah berhampiran Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang yang dirobuhkan oleh agensi penguatkuasaan di bawah kerajaan negeri Selangor pada 4 Oktober yang lalu akhirnya terbela apabila mereka menerima kediaman baharu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2 baru-baru ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar berkata, beliau amat bersimpati terhadap apa yang berlaku terhadap dua bekas pegawai masjid tersebut.

Malah, beliau turut meluluskan permohonan Abdul Razak Said dan Mohd. Yaacob Abdul dengan segera bagi membolehkan keluarga mereka berpindah secepat mungkin.

"Memandangkan mereka baru sahaja pindah dan menanggung kerugian yang besar, modal pun tiada, jadi kita beri masa sebulan untuk menyesuaikan diri dengan tempat baharu dan apabila sudah stabil, barulah mereka akan mula bayar sewa," katanya selepas majlis



Tan Sri Haji Noh bin Omar menyerahkan kunci kediaman PPR Lembah Subang 2 kepada keluarga Abdul Razak Said (dua kanan) dan Mohd. Yaacob Abdul (kanan) baru-baru ini.

penyerahan kunci rumah kepada Abdul Razak dan Mohd. Yaacob.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Jayaselan a/l K.Navaratnam; Ahli Dewan Undan-

gan Negeri (ADUN) Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah binti Bohan dan Ketua UMNO Bahagian Kelana Jaya, Datuk Yusoff HM Haniff.

Dua bekas pegawai masjid tersebut

menerima sebuah rumah baharu yang dilengkapi tiga buah bilik tidur dan dua bilik air beserta sebuah premis kedai bagi meneruskan perniagaan mereka.

Dalam pada itu, Abdul Razak, 50, berkata, dia cukup terharu dengan bantuan KPKT kepada keluarganya yang kehilangan tempat berteduh dan berharap dapat membina semula kehidupan di rumah baharu.

"Rayuan telah pun dibuat sebelum ini untuk menanggukkan perobohan rumah namun apakan daya mereka tetap berkeras untuk melakukannya sampaikan keluarga saya terpaksa tidur di masjid dan rumah inap desa milik rakan-rakan buat sementara waktu.

"Mungkin ada hikmah di sebalik semua ini, saya sendiri tak mahu meminta-minta, saya cuma utamakan keperluan hidup dan hari ini saya cukup bersyukur dengan bantuan dari kerajaan dan orang ramai, hanya Allah SWT sahaja yang tahu, tidak kiralah siapa yang membantu, saya amat mengahgainya," katanya.

BICARA MENTERI**Isu roboh rumah: Siapa lebih berkuasa, Menteri Besar atau pegawai PBT?**

PADA 4 Oktober lalu, dua bekas pegawai Masjid Lapangan Terbang Subang di Subang, Selangor dan ahli-ahli keluarga mereka terpaksa menyaksikan rumah yang didiami sejak berpuluh-puluh tahun lamanya dirobohkan menerusi tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT).

Seperti yang dilaporkan media, tindakan itu tetap diteruskan walaupun Abdul Razak Said dan Mohd. Yaacob Abdul telah memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah bagi menangguhkan perobohan. Saya difahamkan, masih banyak perkara yang belum diselesaikan termasuk tuntutan pampasan dan penyediaan kediaman baharu bagi dua keluarga terbabit.

Malangnya, dua rumah berkenaan tetap dirobohkan walaupun penghuni-penghuninya sedang mempertimbangkan tawaran kerajaan negeri Selangor untuk berpindah ke kediaman baharu. Justeru, atas dasar simpati dengan nasib yang menerima kesemua penghuni dua rumah yang telah dirobohkan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tampil membantu mereka. Bagi saya, langkah segera mesti diambil kerana kediaman yang selesa merupakan satu keperluan yang mesti dinikmati oleh rakyat.

Jadi, apabila saya menerima borang permohonan mereka untuk mendiami PPR Lembah Subang 2, saya mengetepikan segala proses birokrasi dan memberi kelulusan segera terhadap permohonan tersebut. Keutamaan harus diberikan terhadap usaha mendapatkan kediaman baharu kepada keluarga Abdul Razak dan Mohd. Yaacob secepat



mungkin, sesuai dengan dasar PPR yang dibina untuk penempatan golongan setinggan.

Mereka juga boleh meneruskan usaha mencari rezeki dengan berniaga di kawasan kediaman baharu. Saya telah meluluskan permohonan mereka untuk menyewa sebuah premis kedai runcit dan gerai menjual makanan.

Segala pertolongan yang diberikan kepada keluarga Abdul Razak dan Mohd. Yaacob bukanlah didorong oleh motif meraih keuntungan politik atau menyerlahkan kelemahan pihak lain. Apa yang saya dan KPKT lakukan adalah atas dasar perikemanusiaan bagi membantu rakyat yang ditimpa kesusahan.

Saya berpandangan, jika semua pihak hanya saling menuding jari menyalahkan orang lain, kesulitan yang dihadapi keluarga Abdul Razak dan Mohd. Yaacob pasti mengambil masa untuk diselesaikan. Alhamdulillah, mereka telah diberikan kediaman yang baharu serta dapat meneruskan usaha mencari pendapatan dengan berniaga.

Bantuan yang disalurkan kepada dua

bekas pegawai masjid itu membuktikan keprihatinan kerajaan Persekutuan dalam membela nasib rakyat yang berdepan dengan musibah. Kita telah melakukan perkara serupa sejak Malaysia mencapai kemerdekaan dan kita sentiasa membela nasib rakyat di seluruh pelosok negara.

Abdul Razak sendiri menyatakan penghargaannya di atas segala bantuan yang dihulurkan pelbagai pihak termasuk daripada kerajaan Persekutuan. Pada masa sama, dia yang merupakan salah seorang penyokong tegar parti pembangkang kesal kerana rayuannya kepada Menteri Besar Selangor tidak diendahkan sehinggakan rumahnya sendiri dibiarkan roboh oleh kerajaan negeri yang disokongnya.

"Amat sedih kerana masalah saya tidak dipedulikan. Saya tidak mengharapkan apa-apa cuma mahukan pembelaan. Tidak sangka akhirnya rumah sendiri dirobohkan tanpa memikirkan keperluan saya yang mengusahakan perniagaan serta menanggung tiga orang anak yang masih bersekolah," kata Abdul Razak

seperti dilaporkan media.

Saya tidak mempersoalkan parti politik mana yang disokong oleh Abdul Razak dan Mohd. Yaacob sebelum meluluskan permohonan mereka untuk mendapatkan rumah serta premis perniagaan. Hakikatnya, mereka telah kehilangan tempat tinggal serta gerai yang menjadi sumber pendapatan mereka selama ini. Itu sahaja maklumat yang saya perlukan sebagai asas bagi meluluskan permohonan mereka.


Sememangnya saya amat kesal dengan sikap Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali yang tidak menggunakan kuasanya untuk menghentikan tindakan perobohan oleh agensi-agensi yang berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Apakah ketua-ketua jabatan di bawah kerajaan negeri Selangor mempunyai kuasa yang lebih besar daripada Menteri Besar? Sesungguhnya Menteri Besar tidak memahami maksud perintah mahkamah kerana perintah tersebut boleh ditangguhkan di mana beliau boleh meminta pegawai-pegawainya memastikan Abdul Razak dan Mohd. Yaacob telah berpindah ke kediaman baharu terlebih dahulu sebelum tindakan perobohan dilakukan. Namun, perkara itu tidak berlaku... Jika Menteri Besar hanya dengar cakap pegawai, lebih baik pegawai yang jadi Menteri Besar. Kerajaan negeri yang sering melaungkan slogan 'Peduli Rakyat' nampaknya tidak mepedulikan kebajikan dan membuli penyokongnya sendiri.

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Sumbangan Deepavali

Tan Sri Haji Noh bin Omar meluangkan masa untuk turun padang di tujuh lokasi ladang sekitar Tanjong Karang untuk mendengar masalah rakyat serta menyampaikan sumbangan kepada kaum India bersempena sambutan Hari Deepavali pada 15 Oktober lalu.



HSN Peringkat Selangor

Tan Sri Haji Noh bin Omar merasmikan Hari Sukan Negara (HSN) 2017 Peringkat Negeri Selangor pada 14 Oktober lalu.



BBP Tangga Batu

Lawatan muhibbah Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Haji Mohammad bin Mentek ke Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangga Batu, Melaka pada 15 Oktober lalu.



Sambutan Deepavali

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak menerima kalungan bunga daripada Menteri Kesihatan merangkap Presiden MIC, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam pada majlis rumah terbuka Deepavali anjuran MIC di perkarangan kompleks kuil Batu Caves, Selangor pada 18 Oktober lalu. Yang turut hadir, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar; Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai dan Timbalan Presiden MIC, Dato' Seri S. K. Devamany.



PPR Klebang

Datuk Haji Mohammad bin Mentek meninjau kemajuan kerja pembinaan dua blok dengan 255 unit kediaman di PPR Klebang, Melaka pada 15 Oktober lalu.



Kunjungan hormat

Datuk Haji Mohammad bin Mentek dan pengurusan atasan KPKT mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi bin Harun pada 12 Oktober lalu.



Lawatan kerja

Datuk Haji Mohammad bin Mentek melawat Tapak Pelupusan Sampah Sungai Udang, Melaka pada 15 Oktober lalu.



PPR Tangga Batu

Datuk Haji Mohammad bin Mentek melawat tapak Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tangga Batu, Melaka pada 15 Oktober lalu.



SPR Talk

Kakitangan KPKT menyertai program SPR Talk yang dianjurkan dengan kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada 17 Oktober lalu.



Datuk Haji Mohammad bin Mentek menerima anugerah yang disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi pada majlis perasmian Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 di PICC, Putrajaya baru-baru ini.

Bahagian Sumber Manusia KPKT dianugerahkan 5 Bintang

BAHAGIAN Sumber Manusia Kementerian Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerima anugerah penarafan 5 Bintang pada Persidangan Psikologi Modal Insan 2017 setelah berjaya memenuhi Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) 2017.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi kepada Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek dalam majlis perasmian persidangan berkenaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Persidangan yang bertemakan #Sejahtera Negeraku Malaysia itu turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha KPKT, Khairul Dzaimie bin Daud; Ketua Pengarah Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Datuk Wira Haji Wan Mohd. Nor bin Haji Ibrahim, Setiausaha Bahagian Sumber Manusia KPKT, Mohd. Harris bin Ali dan Timbalannya, Puan Siti Normaliz binti Othman.

Seramai 98 pegawai dan kakitangan KPKT telah hadir ke persidangan itu yang terdiri daripada Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) KPKT dan pegawai Pengurusan Sumber Manusia.

Penarafan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) terhadap perkhidmatan psikologi dan kaunseling itu dinilai berdasarkan empat bidang tugas utama Pengurusan Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia iaitu Aplikasi Psikologi Dalam Pembangunan Personel, Aplikasi Psikologi Dalam Intervensi, Aplikasi Psikologi Dalam Penilaian Personel dan Aplikasi Psikologi Dalam Penyelidikan.



Datuk Haji Mohammad bin Mentek bersama kakitangan Bahagian Sumber Manusia KPKT.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan perasmianya berkata, psikologi memberi kesan yang besar dalam membentuk diri individu bagi memastikan setiap penjawat awam dapat bertugas dengan baik meskipun terpaksa melalui perubahan cara kerja serta peredaran zaman.

"Ilmu psikologi memainkan peranan besar sebagai wahana pembinaan kekuatan watak yang dicirikan oleh sifat-sifat unggul kemandirian, kecekalan, keyakinan dan semangat kebersamaan yang begitu kental.

"Ilmu seperti ini berunava mengaali

potensi diri dan jiwa setiap anggota penjawat awam agar terus utuh mengharungi rempuhan globalisasi dan merentasi samudera transformasi pada masa akan datang," katanya.

Dalam Laporan Indeks Kebahagiaan Dunia 2017 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Malaysia menduduki tangga ke-42 dalam senarai 155 negara, mengatasi negara-negara maju seperti Jepun, Korea, Turki dan China dalam tiga aspek utama yang menjadi ukuran kebahagiaan individu iaitu kepuasan hidup, pengalaman emosi dan tujuhan hidup.



Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat KPKT, Siti Hawa binti Mahadi bergambar bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar selepas menerima anugerah APICTA 2017 baru-baru ini.

Aplikasi iKepoh terima Anugerah APICTA 2017

APLIKASI iKepoh yang dibangunkan sendiri oleh Bahagian Teknologi Maklumat, Kementerian Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima Anugerah MSC Malaysia Asia Pacific ICT (APICTA) 2017 Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat KPKT, Siti Hawa binti Mahadi menerima anugerah tersebut di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mewakili Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

iKepoh merupakan aplikasi yang disediakan oleh KPKT kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi pengurusan aduan rakyat secara automatik menggunakan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) melalui telefon pintar.

Aplikasi ini memudahkan komunikasi dua hala antara rakyat dan PBT untuk penyaluran maklumat dan penyelesaian aduan dengan lebih berkesan.

**Saluran
Aduan
KPKT**


Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472



Lampu jalan yang rosak di Jalan AH150, Kota Kinabalu, Sabah.

Lampu jalan rosak di Kota Kinabalu dibaiki

MERUJUK kepada aduan yang diterima melalui laman media sosial Facebook milik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 7 Oktober 2017. Aduan tersebut membabitkan lampu

jalan yang gagal berfungsi di sepanjang Jalan AH150, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Pemeriksaan pada 9 Oktober 2017 mendapati lampu jalan di kawasan berkenaan telah dilanggar oleh kenderaan dan menyebabkan sistem

kabel tidak berfungsi sehingga beberapa lampu jalan yang lain turut terjejas.

Sehubungan itu, pihak KPKT menerusi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah menjalankan kerja-kerja pembaikan dan lampu jalan tersebut kini sudah berfungsi seperti biasa.

Kerja-kerja pembaikan sedang dijalankan.



Kerosakan telah dibaiki dan lampu jalan bernyala semula.

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Pasar Raya Besar Giant, Kangar, Perlis



Program NBOS MyBN, Sungai Buloh, Selangor



Batang Kali, Selangor



Pejabat PTPTN, Alor Setar, Kedah



Tasik Bandar Seri Alam, Johor

KEJIRANAN INDAH MYBN #MYBN #NBOS

KPKT melaksanakan Program Membaik Pulih Perumahan Awam di bawah inisiatif Kejiranan Indah (My Beautiful Neighbourhood, MyBN)



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



KOMPONEN BAIK PULIH

PENYELENGGARAAN
BANGUNAN

01

MENAIK TARAF
INFRASTRUKTUR DAN
KEMUDAHAN AWAM

02

MENAIK TARAF LANSKAP
DAN PROJEK
PENGINDAHAN

03

PROGRAM BANDAR
SELAMAT

04

RONDAAN
KESELAMATAN

05

PEMBERSIHAN
KAWASAN

06

TRANSFORMASI
SOSIAL

07

PROGRAM HOUSE BUILD

Program pembinaan
semula rumah
terbakar atau rumah
usang untuk golongan
berpendapatan rendah



Dibina oleh
anggota bomba
yang memiliki
kemahiran
pertukangan

Purata projek
diselesaikan dalam
masa **30 - 50 hari**

Dilaksanakan
dengan **konsep
gotong-royong**
melibatkan
masyarakat
setempat

Peruntukan
kos antara
**RM40,000.00 ke
RM50,000.00**
setiap rumah

Sokongan
agensi-agensi
kerajaan dan
swasta

Berkeluasan
antara **600 kaki
persegi** atau
**20 x 30 kaki
persegi**



UNDER CONSTRUCTION



www.kpkt.gov.my



@kpkt_gov



kpkt



KPKT Malaysia



SELAMAT HARI *Deepavali* VALTHUGAL



TAN SRI NOH HAJI OMAR

MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN.
PENGURUSI MAJLIS TINDAKAN PERSEKUTUAN NEGERI SELANGOR.
PENGURUSI BARISAN NASIONAL NEGERI SELANGOR.
AHLI PARLIMEN TANJONG KARANG.

Hari Sukan Negara 2017 meriah



Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak membuat jaringan bola keranjang dalam sambutan Hari Sukan Negara 2017 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur baru-baru ini.

SAMBUTAN Hari Sukan Negara 2017 (HSN 2017) pada 14 Oktober lalu berlangsung meriah di seluruh negara dengan majlis pelancaran peringkat kebangsaan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Acara tersebut merupakan platform terbaik bagi memupuk budaya bersukan dalam kalangan rakyat dan mampu menyatupadukan masyarakat berbilang kaum.

Sambutan HSN yang diadakan pada

setiap Sabtu minggu kedua Oktober itu merupakan satu inisiatif kerajaan ke arah mencapai hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah 'Negara Bersukan'.

Pelbagai acara menarik diadakan pada tahun ini di Kuala Lumpur seperti Larian Fit Malaysia dan berbasikal pada waktu pagi serta half-marathon pada waktu malam.

Sambutan turut dimeriahkan dengan acara berjalan kaki 10,000 langkah yang

**HARI
SUKAN
NEGARA**

disertai 16,000 murid sekolah yang dianjurkan Kementerian Pendidikan di Putrajaya selain kemunculan para atlet negara bersama-sama orang ramai memeriahkan sambutan tahunan itu dengan menyertai acara-acara sukan yang dianjurkan.

Perdana Menteri ketika berucap merasmikan program itu menggesa rakyat supaya tidak hanya menjadikan Hari Sukan Negara sebagai waktu untuk bersukan, sebaliknya perlu melakukannya setiap hari

agar kekal sihat.

"Memang kita hendak bukan Hari Sukan (semata-mata) tetapi kita hendak apa? Kita hendak hari-hari bersukan supaya rakyat Malaysia sihat. Kalau kita nak berjaya, kita mesti sihat.

"Ada dengar ke orang berjaya yang tidak sihat? Tidak ada...mesti sihat. Sebab itu kita nak bangunkan budaya bersukan dalam negara supaya rakyat Malaysia suka bersukan," katanya.

Hari Sukan Negara pada tahun ini juga disambut di peringkat kementerian, agensi kerajaan dan negeri.

Jadikan sukan amalan hidup

SEMUA rakyat Malaysia perlu menjadikan sukan sebagai amalan hidup kerana ia dapat mengekalkan kesihatan dan meningkatkan kecergasan tubuh badan.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Khairul Dzaimie bin Daud berkata, budaya sukan juga berupaya menyatukan perpaduan dan mengeratkan hubungan rakyat yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan etnik.

"Sehubungan itu, jangan jadikan amalan kesukanan bermusim atau dilakukan setahun sekali, ia perlu dilakukan pada setiap hari sama ada selepas waktu kerja atau pada masa lapang.

"Maka sebab itu dianjurkan Hari Sukan Negara pada setiap tahun kerana ia adalah satu inisiatif terbaik untuk menerapkan amalan gaya hidup cergas dan aktif dalam kalangan masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2017 KPKT di Putrajaya baru-baru ini.



Khairul Dzaimie bin Daud (kiri) berbasikal selepas merasmikan sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2017 KPKT di Putrajaya baru-baru ini.

Lebih 1,000 warga kerja mewakili pelbagai jabatan dan agensi di bawah KPKT memeriahkan program berkenaan.

Sambutan dimulakan dengan senaman zumba dan diikuti aktiviti kayuhan basikal dan berlari sejauh lima kilometer.



Lebih 1,000 kakitangan memeriahkan sambutan HSN 2017 KPKT.



Sebahagian pendaki KESKEP merakamkan kenangan sebaik sahaja mereka berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu.

10 pendaki KESKEP berjaya tawan Gunung Kinabalu

SERAMAI 10 ahli Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KESKEP) berjaya menjejaskan kaki di puncak Gunung Kinabalu, Sabah yang ber ketinggian 4,095 meter dari aras laut pada 6 Oktober lalu.

Kejayaan manis itu dilakar pada pukul 6 pagi selepas kesemua peserta menempuh perjalanan mencabar selama lebih kurang 3 jam 30 minit dari Laban Rata yang merupakan kem induk Gunung Kinabalu.

Menurut ketua ekspedisi, Mohd. Khairul Azmi bin Khairudin, selepas kejadian gempa bumi pada 2015, pengurusan Gunung Kinabalu telah membuka laluan baharu untuk ke puncak dengan jarak lebih kurang 3 kilometer (km), lebih 1 km daripada laluan lama.

Sebelum itu, kesemua peserta memulakan pendakian dari Timpohon Gate pada 5 Oktober lalu dan ketika dalam perjalanan menuju ke Laban Rata, hujan turun dengan lebat dan suhu sekeliling menjadi semakin sejuk.

"Walaupun bagaimanapun, cabaran sebenar adalah ketika hendak turun kerana kami hanya berhenti rehat sebentar di Laban Rata untuk daftar keluar selepas turun dari puncak, kemudian terus menuju ke Timpohon Gate.

"Jumlah jarak perjalanan turun adalah kira-kira 9 km, dalam keadaan tidak cukup rehat, hujan pula turun ketika dalam perjalanan. Syukur walaupun masing-masing kepenatan, namun kami berjaya tiba di Timpohon Gate pada pukul 5 petang dalam keadaan selamat," katanya.

Mohd. Khairul Azmi berkata, pihaknya akan menganjurkan lagi ekspedisi ke Gunung Kinabalu pada tahun hadapan bagi memberi peluang lebih ramai ahli KESKEP menjejaskan kaki di puncak gunung tersebut.

»...cabaran sebenar adalah ketika hendak turun kerana kami hanya berhenti rehat sebentar di Laban Rata untuk daftar keluar selepas turun dari puncak...

Langkah atasi tunggakan bayaran oleh penghuni

Yuran penyelenggaraan dalam cukai taksiran

TUNGGAKAN bayaran kos penyelenggaraan adalah masalah utama yang sering dihadapi Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPRT) bercadang memasukkan caj pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata ke dalam cukai taksiran bagi mengelakkan berlaku tunggakan bayaran oleh para penghuni.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, langkah tersebut bagaimanapun perlu diteliti terlebih dahulu dengan melaksanakan perbincangan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT).


"Kita akan buat perbincangan teliti di peringkat PBT selain mendapatkan pandangan dari exco perumahan di negeri-negeri untuk tindakan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Konvensyen JMB, MC dan Pesuruhjaya Bangunan Pihak Berkuasa Tempatan (COB) Peringkat Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPRT, Zamri bin Salleh.

Kira-kira 1,000 peserta menyertai konvensyen berkenaan yang antara lainnya sebagai medium kepada JMB dan MC bagi perumahan strata untuk memahami hak dan tanggungjawab serta mempelajari kaedah pengurusan strata yang terbaik.

JMB dan MC terlibat juga diberi peluang mengutarakan persoalan masing-masing secara terus kepada Noh



Tan Sri Haji Noh bin Omar melancarkan buku panduan 'Handbook Pengurusan Strata' ketika merasmikan Konvensyen JMB/MC Peringkat Kebangsaan. Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPRT, Zamri bin Salleh (dua dari kiri).

menerusi sesi 'townhall' pada konvensyen tersebut.

"Konvensyen ini adalah satu platform kepada JMB dan MC bagi perumahan strata untuk memahami hak dan tanggungjawab serta mempelajari kaedah pengurusan strata yang terbaik," jelasnya.

Selain itu, Noh berkata, beliau akan mengemukakan cadangan daripada JMB dan MC kepada Kabinet berhubung pengecualian Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bagi pembayaran

meter pukal.

Dalam perkembangan lain, beliau menyeru semua kawasan perumahan serta bangunan berstrata untuk menubuhkan pasukan bomba komuniti dalam usaha pencegahan awal bagi sebarang kejadian kebakaran.

"Saya lihat ciri keselamatan untuk mencegah kebakaran dari segi gelung paip, pili bomba memang hilang jadi penubuhan bomba komuniti langkah terbaik untuk mengatasi masalah berkenaan," katanya.



Tan Sri Haji Noh bin Omar bergambar bersama para penerima geran JMB/MC Konvensyen JMB/MC Peringkat Kebangsaan di PICC, Putrajaya baru-baru ini.



Buletin

Bandar

22 OKTOBER 2017 • 2 SAFAR 1439

**Kejiranan
Indah MyBN**

muka 12



**Lampu
jalan rosak
di Kota
Kinabalu
dibaiki** muka 11



Bersama membantu pengurusan kediaman berstrata

**Konvensyen
JMB, MC &
COB Peringkat
Kebangsaan**

"KONVENSYEN ini adalah satu platform kepada JMB dan MC bagi perumahan strata untuk memahami hak dan tanggungjawab serta mempelajari kaedah pengurusan strata yang terbaik."

TAN SRI HAJI NOH BIN OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

muka 15